



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Penang Port Commission

Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal
No. 1A, Pesara King Edward
10300 George Town
PULAU PINANG, MALAYSIA
P.O. Box 143
10710 PENANG, MALAYSIA
E-mail : sppp@penangport.gov.my
Website : www.penangport.gov.my

- ++604-2633 211
++604-2626 211 (Pengurus Besar)
++604-3312 275 (Operasi & Kawalselia)
++604-2632 623 (Korporat)
++604-2627 018 (Khidmat Pengurusan & Kewangan)
++604-3238 725 (Zon Bebas Komersil)
++604-3243 416 (Kargo Berbahaya)
++604-3240 166 (Keselamatan)

25 SEPTEMBER 2024

KEPADА : AGENSI KERAJAAN (OGA), OPERATOR PELABUHAN, TERMINAL,
PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN DAN SELURUH KOMUNITI
PELABUHAN

PEKELILING PELABUHAN NO. 9 / 2024

PEMAKLUMAN BERKAITAN PELAKSANAAN MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW) DI PELABUHAN PULAU PINANG

1. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sedang menerajui pembangunan sistem *Malaysia Maritime Single Window* (MMSW) bagi kegunaan sektor maritim di seluruh Malaysia. Pihak Kerajaan seterusnya telah melantik syarikat Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT) sebagai syarikat pembekal dan pembangunan sistem MMSW bagi Fasa 1.
2. Semua Ejen Perkapalan akan menggunakan sistem MMSW untuk proses penjanaan SCN (*Ship Call Number*) serta permohonan kelulusan ketibaan dan pelepasan kapal yang melibatkan beberapa Agensi Kerajaan (OGA) yang berkaitan dengan urusan di pelabuhan seperti SPPP, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Pejabat Kesihatan Pelabuhan (*Port Health*) dan Jabatan Kimia.
3. Bagi pelaksanaan sistem MMSW di Pelabuhan Pulau Pinang, semua pihak adalah dimaklumkan berkaitan tarikh-tarikh berikut :-

NO	ACTIVITY	DATE
1	<i>Training</i>	2 – 4 October 2024
2	<i>Pilot With Selected Shipping Agent</i>	7 – 11 October 2024
3	<i>System Integration Test</i>	7 – 13 October 2024
4	<i>Live Implementation for Penang</i>	21 October 2024

Kecemerlangan Melalui Kecekapan
Excellence Through Efficiency



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 6013




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3834



4. Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat adalah dipohon untuk memberi perhatian dan kerjasama penuh dalam menjayakan pelaksanaan sistem MMSW ini di Pelabuhan Pulau Pinang.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah



(Dato' Dr. Vijayaindiaran a/l R. Viswalingam)
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang